



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**16 November 2020  
30 Rabiulawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• 50 penternak ikan sangkar terima bantuan</li><li>• Nelayan teruja dapat yu kemian</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nelayan teruja dapat 2 ekor ikan yu kemian</li><li>• Rezeki musim hujan</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Terusan Semarak RM12 juta penyelamat penternak ikan</li><li>• Guna nelayan seludup dadah Laos</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	

UTUSAN MALAYSIA 29 [16/11/2020]

# 50 penternak ikan sangkar terima bantuan



KIRA-KIRA 1,000 beg pelet makanan ikan diserahkan Wan Hassan Wan Ibrahim (dua dari kiri) kepada Mustaffa Bakar (dua dari kanan) di Semerak, Pasir Puteh, Kelantan semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

**PASIR PUTEH:** Kira-kira 50 penternak ikan siakap dan kerapu hibrid dalam sangkar di zon akuakultur penternakan ikan Laguna Semerak di sini menerima sumbangan 1,000 beg pelet makanan ikan hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, Wan Hassan Wan Ibrahim berkata, sumbangan makanan ikan gred A adalah pemberian kerajaan negeri berjumlah RM100,000 bagi meringankan kos pengurusan ikan ketika musim Covid-19.

Menurut beliau, penternak terbabit juga menghadapi masalah pasaran termasuk sukar mengeksport ikan kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ini juga sebahagian bantuan prihatin kerajaan bagi merin-

gankan bebanan penternak yang menanggung kerugian pada hujung tahun lepas apabila ribuan ikan ternakan mereka mati.

"Kejadian itu berpunca daripada air daratan masuk ke sungai menyebabkan kadar PH air yang mengurangkan bekalan oksigen untuk ternakan ikan air payau," katanya pada majlis penyerahan sumbangan kepada Pengerusi Persatuan Penternakan Ikan Laguna Semerak, Mustaffa Bakar di jeti persatuan itu hari ini.

Katanya, kerajaan negeri berusaha mengatasi masalah air sungai kotor dengan membuat permohonan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran untuk menggali semula kuala yang tertimbus kesan pembangunan terusan Semerak dan Kuala Tok Bali.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR	MANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		10	16/11/2020

UM M/s 10 16/11/2020

## Nelayan teruja dapat yu kemia

**GEORGETOWN:** Seorang nelayan tidak menyangka memperoleh hasil tangkapan dua ekor ikan yu kemia dengan anggaran berat 26 kilogram ketika menjala ikan di Pulau Kendi, berhampiran kawasan Teluk Kumbang, di sini kelmarin.

Roslizan Ramli, 39, berkata, dia terkejut sebaik sahaja mendapati rawai yang baru dilepaskan kurang sejam ke dalam laut itu terkena pada mulut spesies ikan tersebut kira-kira pukul 3 petang.

Menurutnya, tangkapan yang diperolehnya itu adalah pertama kali sejak menjadi nelayan 25 tahun lalu dan menganggapnya rezeki yang dianugerahkan kepadanya ketika negara dilanda penularan pandemik Covid-19.

"Tidak sangka rutin harian menangkap ikan di belakang Pulau Kendi bersama dua lagi awak-awak mencipta sejarah dalam hidup dengan memperoleh hasil tangkapan yang lumayan.

"Saya hanya menggunakan umpan isi ikan kembung dan mengambil masa kira-kira setengah jam untuk membawa naik dua ekor ikan yu kemia itu ke atas bot. Ini adalah pengalaman paling berharga buat saya setelah lebih dua dekad turun ke laut," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Bapa kepada empat ca-

haya mata itu memberitahu, ikan yu kemia yang berjaya ditangkap itu kemudiannya dijual kepada seorang pengemmar makanan laut pada harga kira-kira RM400.

Cerita Roslizan lagi, terdapat pelbagai spesies ikan termasuk kembung, bawal hitam, udang, senangin dan pari di kawasan perairan berkenaan sekali gus menjadi lubuk mencari rezeki golongan nelayan tempatan.

"Banyak ikan besar termasuk spesies hidupan laut yang luar biasa masuk ke kawasan perairan di situ sejak awal tahun ini.

"Mungkin disebabkan penguatkuasaan larangan operasi bot pukat tunda memasuki ke kawasan nelayan pantai memberi peluang kepada hidupan laut bergerak atau bermigrasi ke kawasan ini," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, jelasnya, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, populasi ikan kembung semakin banyak di kawasan perairan Teluk Kumbang termasuk bekalannya tidak pernah putus sehingga hari ini.

"Ikan kembung akan dijual kepada peraih pada harga RM2.50 hingga RM3.50 sekilo dan akan berlaku penurunan harga sekiranya jumlah tangkapan banyak," ujarnya.



**ROSLIZAN Ramli** membawa pulang dua ekor ikan yu kemia ketika menjala ikan di belakang Pulau Kendi, Teluk Kumbang, Pulau Pinang, kelmarin. - UTUSAN/ NOOR HASLIZA NUSI



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		16	
							16/11/2020	

KOSMO M/S 16 16/11/2020

# Nelayan teruja dapat 2 ekor ikan yu kemian

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Seorang nelayan tidak menyangka berjaya menangkap dua ekor ikan yu kemian yang dianggarkan seberat 26 kilogram ketika menjala ikan di Pulau Kendi, berhampiran kawasan Teluk Kumbar di sini semalam.

Roslizan Ramli, 39, berkata, dia terkejut sebaik mendapati rawai yang baru dilepaskan kurang sejam ke dalam laut itu terkena pada mulut ikan tersebut kira-kira pukul 3 petang.

Menurutnya, itu kali pertama dia dapat menangkap ikan yu kemian sejak menjadi nelayan 25 tahun lalu dan menganggap ia sebagai rezeki yang dianugerahkan kepadanya ketika negara dilanda dengan penularan pandemik Covid-19.

"Tidak sangka rutin harian menangkap ikan di belakang Pulau Kendi bersama dua lagi awak-awak mencipta sejarah dalam hidup dengan memperoleh hasil tangkapan yang lumayan.

"Saya hanya menggunakan umpan isi ikan kembung dan mengambil masa kira-kira setengah jam untuk membawa naik dua ekor ikan yu kemian itu di atas bot. Ini adalah pengalaman paling berharga buat saya setelah lebih dua dekad turun ke laut," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Bapa kepada empat cahaya

mata itu memberitahu, ikan yu kemian yang berjaya ditangkap itu kemudiannya dijual kepada penggemar makanan laut dengan harga RM400.

Cerita Roslizan lagi, terdapat pelbagai spesies ikan termasuk kembung, bawal hitam, udang, senangin dan pari di kawasan perairan berkenaan sekali gus menjadi lubuk mencari rezeki golongan nelayan tempatan.

"Banyak ikan besar termasuk spesies hidupan laut yang luar biasa masuk ke kawasan perairan di situ sejak awal tahun ini.

"Mungkin disebabkan penguatkuasaan larangan operasi bot pukut tunda ke kawasan nelayan pantai memberi peluang kepada hidupan laut bergerak atau bermigrasi ke kawasan ini," ujarinya.

Dalam perkembangan sama jelasnya, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, populasi ikan kembung semakin banyak di kawasan perairan Teluk Kumbar termasuk bekalannya tidak pernah putus sehingga hari ini.

"Ikan kembung akan dijual kepada peraih pada harga RM2.50 hingga RM3.50 sekilo dan akan berlaku penurunan harga sekiranya jumlah tangkapan banyak," ujarinya.

**ROSLIZAN (depan)** tidak menyangka dapat menangkap dua ekor ikan yu kemian ketika menjala ikan di belakang Pulau Kendi, Teluk Kumbar semalam.



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		
						16	16/11/2020	

KOSMO M/S 16  
16/11/2020



**NIK AZHAR** menyalai ikan sungai yang dipukatnya di atas 'para' sebelum dijual di Kampung Jerangau Sungai, Hulu Dungun semalam.

## Rezeki musim hujan

**DUNGUN** – Hujan lebat ekoran musim tengkujuh sejak beberapa hari lalu memberi sumber rezeki tambahan kepada penduduk Kampung Jerangau Sungai, Hulu Dungun dekat sini.

Ini kerana, rata-rata mereka boleh menaikkan sekurangnya 15 kilogram ikan darat setiap hari yang dipukat di sungai berhampiran.

Seorang penduduk, Nik Azhar Daud, 35, berkata, tangkapan ikan pada musim hujan itu memberi pendapatan tambahan kepadanya sekurangnya RM100 sehari.

"Saya mendapat ikan seperti lampam, baung, ikan ubi, sebarau dan tengas selepas memukat di sungai berhampiran setiap pagi dan petang sejak beberapa hari lalu.

"Ikan sungai mendapat permintaan tinggi dan boleh dijual antara RM6 hingga RM25 sekilogram mengikut spesies," katanya ketika ditemui Kosmo!

di sini semalam.

Nik Azhar berkata, kebanyakan pelanggan sanggup ke rumahnya untuk membeli ikan sungai setelah ia diiklankan menerusi laman Facebook dan aplikasi WhatsApp.

Dia yang merupakan pekerja sambilan pelantar minyak berkata, selain menjual secara segar, dia juga menyalai ikan-ikan sungai tangkapannya.

"Ikan sungai itu disalai secara tradisional di atas tempat khas dikenali sebagai 'para' yang diperbuat daripada buluh selama lima jam.

"Sebelum itu, ikan-ikan tersebut akan disiang dan direndam dengan air garam dan asam keping terlebih dahulu selama beberapa jam sebelum disalai," jelasnya.

Nik Azhar yang dibantu isterinya, Rosuhaida Mukhtar berkata, ikan salai bukan sahaja beraroma wangi, malah lebih sedap jika dimasak.



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	
							16/11/2020	

SH M15 29 16/11/2020

## Terusan Semerak RM12 juta penyelamat penternak ikan

**PASIR PUTEH** - Pembinaan Terusan Semerak bernilai RM12 juta bakal menjadi penyelamat kepada penternak ikan di Laguna Semerak di sini yang sering kali berdepan kerugian setiap kali musim tengkujuh akibat sistem perairan tidak teratur di kawasan tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, Wan Hassan Wan Ibrahim berkata, pembinaan terusan sejauh satu kilometer itu akan melancarkan aliran air sekali gus meningkatkan lagi kandungan oksigen dalam membantu proses tumbesaran ikan yang diternak oleh peserta di Laguna Semerak.

"Saya sudah membawa perkara ini (masalah Laguna Semerak) ke pengetahuan pihak Kementerian.

"Masalah Laguna Seme-

rak ini sudah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan insya-ALLAH masalah itu akan diselesaikan dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan sumbangan palet makanan ikan kepada Persatuan Penternakan Ikan Laguna Semerak (PPILS) di Laguna Semerak di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi PPLIS, Mustaffa Bakar.

Seramai 50 penternak ikan siakap dan kerapu hibrid dalam sangkar Laguna Semerak di sini menerima sumbangan 1,000 beg palet makanan ikan.

Menurutnya, penternak diharap terus bersabar dan terus menjadikan Laguna Semerak sebagai lokasi pengeluaran ikan dalam sangkar

terbesar di negeri itu pada masa akan datang.

Beliau berkata, apabila masalah itu selesai, pengeluaran hasil di kawasan tersebut akan meningkat 100 peratus ekoran tahap kualiti menjadi lebih baik berbanding sebelum ini.

"Setiap kali tibanya musim tengkujuh kandungan oksigen di dalam air akan menjadi berkurangan menyebabkan ikan banyak mati," katanya.

Mengulas mengenai bantuan itu, Wan Hassan berkata, ia bertujuan meringankan bebanan penternak yang berdepan kerugian besar pada hujung tahun lalu.

Katanya, sumbangan pelet makanan ikan gred A itu membabitkan peruntukan berjumlah RM100,000 dari kerajaan negeri.



Wan Hasean (hadapan, kanan) menyerahkan sumbangan palet makanan ikan kepada Mustaffa yang mewakili Persatuan Penternakan Ikan Laguna Semerak (PPILS) di Laguna Semerak, Pasir Puteh semalam.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		20	
							16/11/2020	

# Guna nelayan seludup dadah Laos

SH M/S 20  
16/11/2020

Polis tahan 12 individu, rampas ganja bernilai RM2.16 juta

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Polis menahan seramai 12 ahli sindiket pengedaran dadah termasuk seorang wanita warga Laos dan merampas 872 ketulan mampat ganja bernilai RM2.16 juta dalam lapan serbuan di beberapa kawasan di Pulau Pinang dan Kedah pada Jumaat lalu.

Sindiket yang didalangi lelaki tempatan berusia 56 tahun itu dipercayai aktif sejak awal tahun ini dan rampasan berkenaan merupakan yang terbesar dilakukan ke atas sindiket tersebut.

Suspek dipercayai beberapa kali membawa masuk dadah menggunakan jalan laut dari negara jiran berikutan penutupan sempadan negara kerana Perintah Kawalan Pergerakan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Razarudin Husain berkata, kesemua suspek berusia 22 hingga 58 tahun itu ditahan dalam operasi yang dijalankan pada jam 12.15 tengah malam hingga 6 pagi, 13 November lalu.

Menurutnya, tangkapan bermula selepas penahanan dua lelaki berusia 22 dan 43 tahun yang sedang menaiki kereta Perodua Myvi di Sungai Nibong



Razarudin (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Pulau Pinang semalam.

di sini.

"Pemeriksaan ke atas kereta tersebut menjumpai 250 ketulan ganja.

"Mereka dipercayai dalam perjalanan menghantar bekalan dadah kepada pembeli.

"Susulan daripada tangkapan itu, kita menahan seorang lelaki berusia 42 tahun di kawasan sama.

"Selepas itu, kita menyerbu sebuah bengkel membaiki bot di Simpang Empat, Seberang Perai Selatan dan menemui 622 ketulan mampat dipercayai ganja di dalam sebuah bot fiber," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang di sini semalam.

Beliau berkata, polis turut menahan tiga lelaki warga Bangladesh yang merupakan penjaga bengkel dan bekalan dadah tersebut.

"Susulan daripada itu, kita menyerbu sebuah premis di

Jitra, Kedah dan menahan seorang lelaki dipercayai dalang sindiket tersebut.

"Serbuan seterusnya di Bedong, Kedah dan menahan seorang suri rumah warga Laos berusia 40-an.

"Dia dipercayai berperanan sebagai perantara kerana semua dadah seberat 865.7 kilogram itu dibawa masuk dari Laos melalui Thailand ke negara ini menerusi laluan laut," katanya.

Razarudin berkata, susulan daripada penangkapan dalang tersebut, polis menahan empat nelayan di negeri ini dipercayai turut terlibat dengan sindiket berkenaan.

"Mereka berperanan membantu membawa masuk dadah melalui jalan laut ketika menangkap ikan di perairan termasuk sempadan negara.

"Tiga daripada suspek mempunyai rekod lampau melibatkan jenayah dan dadah," katanya.